



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	22/2/2012

Pak Lah yakin BN berpeluang menang besar

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yakin Barisan Nasional (BN) akan mencatat kejayaan lebih besar pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) berbanding PRU-12 kerana pelbagai usaha berterusan dilakukan kerajaan untuk membela nasib rakyat.

Bagaimanapun, beliau berkata, kejayaan itu banyak bergantung kepada kerja keras oleh pemimpin komponen BN dalam memberi khidmat terbaik kepada rakyat.

"Peluang tetap ada, Insya-Allah lebih baik, ini semua bergantung kepada apa yang kita usahakan dari sekarang sehingga pilihan raya diadakan.

"Kejayaan itu juga sejauh mana khidmat kita dapat meyakinkan



Abdullah Ahmad Badawi

rakyat, memberi kejayaan lebih besar dalam pelbagai bidang, bukan hanya terhadap waktu pilihan raya tapi khidmat dan kejayaan berterusan," katanya selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Pencapaian Umat Islam Pasca-Merdeka: Pengajaran dan Langkah Ke Hadapan dan Prapelanaran Sambutan 20 Tahun Penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini, semalam.

Mengulas desakan pelbagai pihak terutama pemimpin pembangkang yang mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berdebat dengan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Abdullah yang juga Pengerusi IKIM berkata, debat bukan cara untuk menyelesaikan masalah rakyat.

"Debat bukan penyudah kepada segala-galanya, tapi yang penting apakah sumbangan yang dapat diberikan kepimpinan kita kepada rakyat menerusi program dilaksanakan, itu yang perlu diutamakan.

"Namun, terpulung kepada Najib... dia lebih memahami, tidak perlu saya beri nasihat atau pihak lain mendesak," katanya.

Mengenai penggunaan logo halal yang belum dipatuhi pengusaha bukan Islam, Abdullah berkata, penerangan perlu diberi secara meluas bagi membolehkan penganut bukan Islam memahami keperluan dan penggunaan logo berkenaan.

"Hukuman dan undang-undang bukan jalan penyelesaian, penerangan dan perbincangan pada saya lebih baik," katanya.